



02 JUL, 2025

## Anwar kukuh hubungan dua hala

Harian Metro, Malaysia



### LAWATAN TIGA HARI KE ITALI, PERANCIS & BRAZIL

## Anwar kukuh hubungan dua hala

**Sepang:** Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini, semalam, bagi memulakan lawatan ke Itali, Perancis dan Brazil.

Pesawat sewa Penerbangan Malaysia yang membawa Perdana Menteri dan delegasi itu berlepas dari KLIA, jam 2.15 petang.

Siri lawatan Perdana Menteri ini bermula dengan lawatan rasmi tiga hari ke Itali, yang merupakan sebahagian daripada usaha Malaysia mengukuhkan hubungan dua hala dan menggalakkan kerjasama ekonomi peringkat global.

Lawatan ke hab ekonomi utama ini - Rom, Paris dan Rio de Janeiro - bertujuan mengukuhkan hubungan

diplomatik dan perdagangan Malaysia dengan negara masing-masing.

Dalam lawatan ini, Perdana Menteri turut diiringi oleh delegasi perniagaan, yang merangkumi wakil daripada syarikat besar Malaysia, termasuk Petroliaam Nasional Bhd (Petro-nas), Khazanah Nasional Bhd, TNB, Maybank, FGV, YTL Power dan Sunway.